



PEJABAT PERDANA MENTERI MALAYSIA
OFFICE OF THE PRIME MINISTER OF MALAYSIA
Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA



Tel. : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8888 3444
Website : <http://www.pmo.gov.my>

PPM (S) 100-6/12

21 November 2013

YB. Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 7, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya

YB. Datuk,

PERMOHONAN GERAN UNTUK PEMBANGUNAN “GASIFIER STEAM BOILER PLANT” UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI “PREMIER RENEWABLE ENERGY BASED ON SUSTAINABLE WOODCHIP BIOMASS”

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **En. Azhar Anuar, Pengarah Urusan NSE Resources Corporation (M) Sdn. Bhd.** telah mengemukakan permohonan di atas kepada YAB Perdana Menteri. Justeru itu, dikemukakan permohonan berkenaan berserta dengan Minit YAB Perdana Menteri bertarikh 20 November 2013 untuk perhatian pihak YB. Datuk selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI AB. AZIZ BIN KASIM)

Ketua Setiausaha Sulit kepada
YAB Perdana Menteri



CERTIFIED TO MS ISO/IEC 27001:2007 CERT. NO. : AR5540



NSE RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD (575292-A)

Lot 10097 & Lot 10098, Kawasan Perindustrian Bentong
28700 Bentong
Pahang Darul Makmur
Tel: +6092201340 Fax: +6092201341
www.nserc.com.my

Tarikh : 15 November 2013

Ref No : NSERC/PM/08(11)/2013

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan I,
Pejabat Perdana Menteri,
Blok Utama, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

YAB Dato' Sri,

Assalamualaikum wrth wbkth

PERMOHONAN GERAN UNTUK PEMBANGUNAN "GASIFIER STEAM BOILER PLANT" UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI "PREMIER RENEWABLE ENERGY BASED ON SUSTAINABLE WOODCHIP BIOMASS".

D/11
PERDANA MENTERI
MALAYSIA

Terlebih dahulu kami ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Sri kerana sudi meluangkan masa dan kami berdoa kehadiran Ilahi semoga segala usaha Dato' Sri dalam menerajui kepimpinan Negara, diberkati dan dirahmati.

2. NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd adalah merupakan syarikat induk kepada NSE Energy Sdn Bhd, NSE Polymer Sdn Bhd dan Global Network Technology Sdn Bhd. Kumpulan kami telah pun berkembang ke bidang "renewable energy" dimana NSE Energy Sdn Bhd ("NSEE") adalah peneraju utama untuk bidang ini. NSEE memegang lima (5) Intellectual Property Rights yang berdaftar dengan MyIPO dan menerima Pioneer Status dari MIDA. NSEE telah berjaya menyiapkan projek pertamanya iaitu "1MW gasification power plant or 4,800 Nm³/hr syngas" untuk Sabah Softwoods Bhd ("SSB") pada tahun





NSE RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD (575292-A)

Lot 10097 & Lot 10098, Kawasan Perindustrian Bentong
28700 Bentong
Pahang Darul Makmur
Tel: +6092201340 Fax: +6092201341
www.nsrec.com.my

2010. Mengikut pernyataan MIDA projek pertama NSEE ini telah menjadi "a workable demonstration of gasification plant using woodchip as its feedstock".

3. Kejayaan NSEE menyiapkan penjana kuasa tenaga menggunakan biomass untuk SSB telah menarik perhatian pelabur asing untuk melabur di sektor pengilangan tinggi di Malaysia – dan membeli tenaga yang dihasilkan dari biomass dari NSEE. Dua pelabur asing dari Korea dan Perancis - **CJ Cheiljedang Corp** (sebuah konglomerat dari Korea) dan **Arkema S.A.** (tersenarai di Euronext Paris Exchange) telah memetrai kerjasama untuk membina "the world first bio-methionine plant" bernilai **RM2.0 bilion** di Malaysia.

4. NSEE telah memetrai kontrak pembekalan "steam" dengan CJ untuk NSEE membekal sekurang-kurangnya 1.19 juta tan "steam" setahun pada harga RM55/tan selama 10 tahun. Diantara sebab utama kenapa dua pelabur gergasi asing ini membuat keputusan investasi sebegini adalah kerana keyakinan mereka pada kerajaan Malaysia dan juga keupayaan NSEE dapat membekalkan tenaga kepada kilang mereka yang menggunakan teknologi biomass dari woodchip. Kilang CJ Arkema "bio-methionine plant" dan penjana kuasa tenaga NSEE (biomass gasification steam boiler plant) sedang dibina dan terletak di kawasan seluas 69.22 hektar di Kertih Bio Polymer Park, Terengganu. NSEE akan membelanjakan hampir RM130 juta untuk projek ini dan keseluruhan daripada projek ini dijangka dapat memberi peluang pekerjaan kepada hampir 500 orang di Kertih.

5. Selain dari projek bersama CJ Arkema di Kertih, NSEE juga sedang dalam rundingan dengan beberapa syarikat asing seperti Kaneka (dari Jepun), Polyplastic, Flexsys Solutia, (dari USA), Virdia (dari USA) and Premium Renewable Energy Sdn Bhd untuk membekalkan tenaga daripada penjana kuasa yang menggunakan biomass di Gebeng Industrial Estate, Pahang. Nilai projek untuk NSEE jika berjaya membekalkan



Local Expertise Meeting World Class Standard



NSE RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD (575292-A)

Lot 10097 & Lot 10098, Kawasan Perindustrian Bentong
28700 Bentong
Pahang Darul Makmur
Tel: +6092201340 Fax: +6092201341
www.nserc.com.my

"renewable energy" di Gebeng adalah hampir RM420.0 juta dan membuka peluang pekerjaan kepada seramai 400 orang.

6. Untuk makluman YAB Dato' Sri, anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu akan membekalkan "woodchip" kepada projek ini untuk dijadikan sebagai sumber tenaga. NSERC juga telah memeterai perjanjian pembekalan "woodchip" dengan sebuah syarikat swasta iaitu Grant Agri Sdn Bhd yang mempunyai konsesi balak dan penanaman semula balak di Sabah.

7. Oleh yang demikian, NSERC memohon jasabaik pihak YAB, dapat memberi sokongan terhadap permohonan Geran sebanyak RM100 juta melalui "Ministry of Science Technology and Innovation (MOSTI)". Ini adalah bagi membantu kekangan kewangan NSERC kerana kesukaran untuk mendapatkan pinjaman dari pihak bank. Bantuan Geran ini juga dapat membantu pihak NSERC untuk merealisasikan penglibatan NSERC di Gebeng Industrial Estate projek dan seterusnya menarik minat lebih ramai pelabur asing di Malaysia.

8. Sepertimana yang pihak YAB Dato' Sri, sedia maklum, suntikan dana untuk projek ini amatlah penting bagi memastikan perancangan-perancangan yang sedia ada antara pihak NSERC dengan pelabur-pelabur asing dari Korea dan Itali bagi Projek di Kertih ini. CJ dan Arkema dilihat sebagai perintis yang membawa pelaburan besar di wilayah ECER. Kelewatan menyiapkan Projek ini akan menyebabkan impak negatif yang besar kepada reputasi syarikat tempatan khususnya dan pihak kerajaan secara amnya - dimata pelabur asing. Kesan kepada ekonomi dan sosial rakyat juga amat besar.





NSE RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD (575292-A)

Lot 10097 & Lot 10098, Kawasan Perindustrian Bentong
28700 Bentong
Pahang Darul Makmur
Tel: +6092201340 Fax: +6092201341
www.nserc.com.my

9. Kami dengan rendah hati ingin sekali lagi memohon sokongan YAB Dato' Sri agar permohonan kami ini dapat dipertimbangkan sewajarnya. Kami juga amat berterima kasih atas kerjasama dan perhatian dari pihak YAB Dato' Sri.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Azhar Anuar'.

(Azhar Anuar)
Pengarah Urusan

NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd



s.k. Dato' Seri Azhar bin Abd Latif

